



LEMBAGA PELABUHAN BINTULU BIL. 3/2014

- 1.0 (a) Jawatan** : **Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi),
Gred N17**
- (b) Agensi : Lembaga Pelabuhan Bintulu
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan
- 2.0 Gred dan Jadual Gaji
- | | | | |
|----------|---|----------------------------|-----------------------------|
| Gred N17 | : | <u>Gaji Minimum</u> | <u>Gaji Maksimum</u> |
| | | RM 928.00 | RM 3,375.00 |
- 3.0 Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan berikut:
- (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji Permulaan ialah pada Gred N17 : RM 928.00)
- 3.1 Syarat Kelayakan Bahasa Melayu (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer)
- 3.3 Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) N17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3.0 (c) di atas ; atau
 - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (c) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (d) berumur kurang 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
- 3.4 Taraf Jawatan : **Tetap**
- 3.6 Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
- 3.7 Tempoh Percubaan : Calon yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 sehingga 3 tahun
- 3.8 Program Transformasi Minda : Calon yang dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berkenaan.
- 3.9 Fungsi Bidang Tugas : Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian selaras dengan fungsi tugas jabatan/bahagian yang berkenaan seperti tugas-tugas penyelenggaraan fail/dokumen, penyediaan laporan bulanan dan lain-lain yang berkenaan dengan pentadbiran pejabat.
- 4.0 Tarikh Tutup Permohonan : **06 Jun 2014**

Cara Memohon:

- a. Maklumat lanjut mengenai jawatan tersebut diatas boleh didapati dari laman web rasmi LPB <http://www.bpa.gov.my>
- b. Permohonan hendaklah dikemukakan menggunakan Borang Permohonan Jawatan LPB yang boleh diperolehi dari Bahagian Sumber Manusia, Aras 9, Lembaga Pelabuhan Bintulu atau dimuat turun melalui laman web rasmi LPB <http://www.bpa.gov.my>

- c. Permohonan yang tidak dilengkapi dengan gambar, salinan kad pengenalan, salinan sijil lahir dan salinan sijil berkaitan atau lewat diterima serta tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan akan ditolak. Surat-menyurat tidak akan dilayani.

Semua permohonan hendaklah dialamatkan dan dihantar kepada:-

**Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Bintulu
Aras 8, 9 dan 10, Menara Kidurong
Peti Surat 296
Jalan Tanjung Kidurong
97007 Bintulu
Sarawak, Malaysia**